



**TEKS UCAPAN
YBRS. DR. SITI A'IASAH BINTI HASHIM
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN NUKLEAR MALAYSIA
BAGI BULAN OKTOBER 2021**

**TARIKH:
21 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**ANJURAN:
BAHAGIAN TEKNOLOGI INDUSTRI (BTI)**

SECARA ATAS TALIAN

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih Pengacara Majlis.

YBRS. DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN

Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi,

YBRS. DR ROSLI BIN DARMAWAN

Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal

YBRS. EN MOHD SIDEK BIN OTHMAN

Pengarah Kanan Program Pengkomersilan dan Perancangan Teknologi,

YBRS. DR. MOHAMAD RAWI BIN MOHAMED ZAIN

Pengarah Kanan Program Pengurusan

YBRS. DR. NOR PA'IZA BIN MOHAMAD HASAN

Pengarah Bahagian Teknologi Industri

Selaku pengerusi dan juga host perhimpunan bulanan bagi bulan Oktober 2021 kali ini

Pengarah-pengarah Bahagian, pengurus-pengurus,

Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia keseluruhannya yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama mengucapkan kesyukuran kerana masih lagi diberi kesempatan untuk sekali lagi bertemu di dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Agensi Nuklear Malaysia. Meskipun kita semua masih lagi berusaha menangani pandemik COVID-19, namun, data harian menunjukkan kesan positif terhadap pelbagai usaha yang telah diambil terutama sekali pematuhan SOP yang berterusan dan juga program imunisasi covid19 kebangsaan. Ini mendekatkan lagi ke fasa endemic yang mana akan memberikan kita kelegaan dalam kehidupan harian.

2. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin merakamkan sekalung tahniah kepada YBrs. Dr. Muhammad Rawi bin Mohamed Zain yang telah dilantik sebagai Pengarah Kanan Program Pengurusan berkuatkuasa 15 Oktober 2021 yang lalu. Semoga Dr. Rawi dapat menggalas amanah yang begitu besar ini dengan penuh dedikasi.

3. Tuan2 dan Puan2 sekalian, untuk perhimpunan pagi ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Bahagian Teknologi Industri atas penganjurannya Kali ini dengan tema “Manhaj Rabbani Ummah Berkualiti” yang juga team sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini yang disambut pada 18 Oktober 2021 yang lalu diperingkat kebangsaan. Selawat dan Salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad SAW, penghulu segala rasul dan pembawa rahmat ke seluruh alam.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Allahumma Solli 'Ala Muhammadin Wa 'Ala Aali Muhammad

Tuan tuan dan Puan puan yang dihormati sekalian,

SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 2021

4. Rasulullah saw didatangkan kepada umat manusia dengan membawa jalan kehidupan yang jelas dan benar, yang telah ditetapkan oleh Allah. Manhaj Rabbani inilah yang sekiranya dipatuhi akan melahir umat manusia yang berkualiti. Ia merupakan satu instrument yang boleh membentuk akhlak dan kehidupan manusia yang berpaksikan kerohanian dan bersih dalam keduniaan. Manual kehidupan Islam adalah AlQuran manakala Hadith dan sunnah Rasulullah adalah penjelasan kepada manual ini. Maka jangan sekali-kali dipisahkan keduanya.

Sambutan Maulidur Rasul bukan sekadar meraikan kelahiran Nabi Muhammad SAW, tapi untuk kita realign our life style kepada manhaj Rabbani tadi agar kehidupan kita lebih berkualiti.

6. Dari sudut organisasi yang melibatkan kepelbagaian agama dan ethnic, amalan menghormati kepercayaan dan budaya yang kriptik perlu diteruskan demi menjamin keharmonian di tempat kerja. Ini selaras dengan perutusan Rasulullah sebagai Rahmatan lil Alamin iaitu membawa kedamaian, kerukunan dan kesejahteraan bagi setiap manusia. Ini secara langsung akan menerbitkan budaya kerja yang berkualiti dan organisasi yang cemerlang. Dengan kata lainnya, bagi memastikan Agensi Nuklear Malaysia terus cemerlang, semua pekerja perlulah mempunyai komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas harian tanpa memandang hierarchy dan gelang sahabat. Yang penting adalah komitmen dan disiplin yang tinggi terutama sewaktu pandemik ini yang mana musuh utama kita adalah sama dan matlamat kita pun jelas. Itulah manhaj Rabbani yang kita amalkan

Tuan2 dan Puan2 sekalian

7. Baru-baru ini telah berlangsung satu mesyuarat/ bengkel untuk menyelaraskan R&D di Nuklear Malaysia disamping penyediaan plan Tindakan jangka Panjang dalam

bentuk foresighting, Foresight 2050. Tujuan penyelarasan ini adalah untuk menyemak Kembali aktiviti2 R&D yang telah dijalankan berbanding dengan pelbagai dasar, roadmap, blueprint dan plan strategik kerajaan yang berkait dengan STI nuklear. Sebelum ini kita telah menyediakan Wawasan Nuklear 2030 yang merupakan plan strategik yang membawa hala tuju NM sehingga 2030. Pelan ini disertai dengan pelbagai strategy dan aktiviti yang dirancang untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Namun, selepas dari bengkel pemantauan projek R&D pada pertengahan tahun lalu kita dapati ada keperluan membuat penyelarasan ini untuk memastikan semua projek dan perancangan adalah mengikut strategi yang dibuat untuk mencapai sasaran. Ia juga untuk mengelakkan projek tidak terancang, in silo, tiada penghujung/penamat, (prolonged), yang tidak berteraskan ST nuklear dan sebagainya. Selain itu projek mapping dengan 10-10 stie framework dan juga emerging technologies akan memberikan satu lagi gambaran kedudukan Nuklear Malaysia di masa akan datang. Ini akan diterjemahkan oleh Foresight 2050. Sebelum itu, insyaAllah akan ada beberapa siri bengkel/Latihan/ ceramah untuk membantu pembangunan dokumen ini. It was my dream to this for Nuklear Malaysia. Tapi saya hanya dapat memulakannya sahaja.

PAKAR NUKLEAR DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Tuan2 dan puan2 yang saya hormati sekalian

11. Saya begitu berbangga dengan semua Pegawai Penyelidik yang berusaha ke arah memajukan diri menjadi pakar dalam bidang masing-masing. Malah kita semua akan LEBIH BERBANGGA sekiranya kepakaran tersebut mendapat penghormatan dari pelbagai pihak, dari dalam dan luar negara. Bagi penyelidik Nuklear Malaysia, pengiktirafan kepakaran boleh diperolehi dari university (melalui jemputan sebagai pakar industri/sme/adjuct lecturers), dari MOSTI (sebagai ahli panel dana/ JK teknikal), journal publishers (sebagai reviewers) dan paling membanggakan pengiktirafan dari IAEA. Pengiktirafan sebagai IAEA *expert* membuktikan bahawa penyelidik Nuklear Malaysia tersebut telah Berjaya mempertahankan R&D yang dijalankan melalui laporan, penulisan, pembentangan dan perkongsian maklumat di

peringkat antarabangsa. Pakar2 ini sering dijemput ke mesyuarat2 teknikal IAEA dan seumpamanya.

13. Saya akui bahawa BTI adalah antara bahagian yang telah melahirkan IAEA *expert* dalam pelbagai bidang seperti NDT, bahan termaju dan inspection techniques yang lain. Kita harus berbangga apabila Pegawai Penyelidik kita, Ben Noor Azreen Masenwat telah dipilih menganggotai misi IAEA membuat pengujian NDT terhadap struktur konkrit dipersekitaran Pelabuhan Beirut Lebanon yang mengalami kerosakan dan kemusnahan akibat letupan yang berlaku pada Ogos 2020. Tahniah kepada Ben kerana keberanian beliau memasuki sebuah negara yang masih belum selesai dengan krisis dalaman dan krisis ekonomi. Tahniah sekali lagi.

14. Hubungan baik dengan IAEA ini perlu dijaga dan diperkukuhkan demi kepentingan negara. Kita sebagai negara ahli, perlu memanfaatkan hubungan ini dengan melibatkan diri dengan pelbagai program yang dianjurkan oleh IAEA seperti program TC, bilateral cooperation, IAEA initiatives dan sebagainya. Semasa menghadiri General Conference IAEA baru-baru ini saya telah berkesempatan untuk berjumpa dan berbincang dengan beberapa deputy DG, PMO dan technical officers. Antara perkara yang Berjaya mendapat perhatian IAEA adalah kesediaan kita mengambil bahagian dalam inisiatif NUTEC Plastic dan program Zodiac. Manakala cadangan mendapatkan bantuan IAEA untuk membawa satu unit cyclotron 13MeV dari Korea ke Malaysia juga telah mendapat response yang sangat positif. Saya berharap, usaha ini akan diteruskan sehingga kita Berjaya mendapatkan cyclotron tersebut.

Para hadirin yang saya kasihi,

PPV BACC

15. Pada 5 Oktober 2021 lalu, berakhiran perkhidmatan sukarelawan Nuklear Malaysia di Pusat Pemberian Vaksin Bangi Avenue Convention Centre. Seramai 175 orang sukarelawan telah bertugas selama 93 hari tanpa ganjaran besar, malah ada

yang bertugas tanpa rehat yang Panjang. Sebelum ini saya panggil mereka Hero saya. Dan hari ini saya memanggil mereka Hero saya. Mereka telah mengharungi pengalaman yang saya jangka tidak akan diulang lagi (moga Allah jauhi kita dari sebarang pandemic baru). Mereka telah meletakkan nama dan imej Nuklear Malaysia kesatu aras tinggi yang baharu. Tiada ucapan yang mampu saya ucapkan kecuali terima kasih dan jazakumullahu khairan. Semoga Allah membalasmu dengan kebaikan.

Tuan2 dan puan2 sekalian

Bulan oktober juga adalah Breast Cancer Awareness Month (Bulan kesedaran kanser payudara). Di Malaysia, statistic nya adalah 1 dalam 19 wanita adalah berisiko mendapat kanser payudara. Di Nuklear Malaysia sendiri bilangan yang terkait dengan kanser, secara umumnya juga ramai. Namun, alhamdulillah majority mereka adalah cancer survivors iaitu, mereka telah Berjaya mengatasi serangan cancer tersebut. Kita harus meraikan kehebatan dan kekuatan mereka yang sabar dan cekal melawan musuh ini. Perlu juga diingatkan kepada semua, antara factor penyumbang pemulihan cancer survivors adalah early detection. Pengesanan awal sangat penting untuk memastikan rawatan diberikan cepat dan tepat. Kita juga melihat bagaimana perubatan nuklear paling banyak membantu pesakit kanser dalam perjuangan mereka. To all the cancer survivors out there... I salute you.

Tuan-tuan dan Puan puan yang dikasihi sekalian,

25. Sebelum saya akhiri ucapan saya pada pagi ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada BTI dalam menganjurkan perhimpunan pagi kali ini beserta pertandingan Maulidur Rasul yang telah dijalankan. Video sangat kreatif dan menarik. Tahniah kepada pemenang.

Sekali lagi saya berpesan, hayatilah kehidupan Muhammad Rasulullah, jadilah ummah yg berkualiti. Berselawatlah kepadanya Allahummasalli...

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Sekian, terima kasih.